

Maqam reda dalam Ilmu Tasawuf

TIDAK semua tokoh besar sufi menjadikan sifat reda sebagai antara maqam yang mesti dihayati oleh seseorang yang bermusafir dalam dunia kesufian. Imam al-Ghazali misalnya antara tokoh berkenaan, daripada 10 maqam yang disenaraikannya, reda tidak termasuk dalam senarai tersebut. Namun, beberapa tokoh besar sufi yang lain seperti al-Sarraj, al-Suhrawardi dan al-Sakandari memasukkan sifat reda sebagai antara maqam sufi, sekalipun mereka berbeza daripada segi atur letaknya.

Istilah bahasa - reda adalah lawan kepada sifat marah.

Istilah syarak - reda merujuk kepada penerimaan apa jua yang ditentukan oleh Allah tanpa sebarang unsur teragak-agak dan tanpa sebarang penentangan. Ia juga merujuk kegembiraan hati dan kelapangan dada dalam menghadapi ketentuan Allah.

Penghayatan reda dalam kalangan tokoh sufi bagaimanapun mempunyai sedikit perbezaan walaupun secara dasar pengakhirannya adalah sama iaitu menjadi hamba Allah terbaik.

• **Al-Sarraj** dalam kitab *al-Luma' fi al-Tasawwuf*, menjelaskan bahawa penghayatan maqam reda adalah merujuk kepada keadaan hati seseorang hamba menjadi tenang dan berada bawah ketentuan hukum Allah.

• **Dhu al-Nun al-Misri** - reda itu ialah kegembiraan hati dengan kepahitan qada Allah atau kegembiraan menghadapi musibah adalah sama dengan kegembiraan sewaktu mengecapi nikmat.

• **Ibn 'Ata al-Sakandari** menjelaskan bahawa maqam reda disandarkan kepada ayat al-Quran (al-Ma'idah, 5:119) yang bermaksud: "Allah meredai mereka dan mereka meredai Allah", dan sabda Rasulullah SAW (maksudnya): "Kelazatan iman dirasai kalangan mereka yang reda terhadap Allah."

• Golongan yang tidak merealisasikan maqam reda tidak akan merasai kemanisan atau kelazatan iman.

• Keimanan mereka itu hanya

bicara tasawuf

Oleh **PROFESOR DATUK ZAKARIA STAPA**
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia



Penghayatan reda dalam kalangan tokoh sufi bagaimanapun mempunyai sedikit perbezaan walaupun secara dasar pengakhirannya adalah sama iaitu menjadi hamba Allah terbaik."

satu bentuk luaran semata-mata, tanpa roh di dalamnya atau iman yang wujud dalam bentuk zahir sahaja, tanpa ada batinnya.

Apa yang dapat diperhati bahawa penghayatan maqam reda dalam kalangan golongan sufi adalah membabitkan penghayatan hati, iaitu terhubung secara langsung dengan hati seseorang sufi yang terlibat.

Golongan ini menghayati maqam reda ini sampai ke tahap yang amat tinggi, sehingga antara musibah dan nikmat itu bagaikan tidak ada bezanya. Dalam lain perkataan, mereka dalam konteks penghayatan, sudah sampai ke satu tahap seperti menyamakan antara batu dan emas!

KATEGORI MAQAM REDA

Seorang tokoh sufi, 'Ali b 'Uthman al-Hujwiri dalam kitab *Kashf al-Mahjub* menjelaskan bahawa golongan yang reda itu terbahagi kepada empat kategori:

- 1 Reda dengan pemberian Allah, iaitu yang dihubungkan dengan *al-Ma'rifah*



MANUSIA yang reda dengan ketentuan Allah meskipun ditimba pelbagai dugaan bakal mendapat ganjaran setimpal di akhirat kelak. - GAMBAR HIASAN

• Orang yang mengalihkan penglihatannya daripada Yang Memberi kepada pemberian yang diberikan bakal menerima pemberian tersebut dengan seluruh jiwa dan penuh keredaan, maka kesukaran dan kesusahan akan lenyap daripada hatinya.

• Orang yang mengalihkan pandangan daripada pemberian kepada Pemberi pemberian pula tidak nampak pemberian itu sendiri, lalu dalam keadaan sedemikian dia akan terus berusaha untuk menikmati keredaan Pemberi pemberian itu.

2 Reda dengan nikmat kegembiraan, iaitu yang dihubungkan dengan perihal kehidupan di dunia ini.

• Kalangan yang reda dan gembira dengan dunia ini tanpa memerlukan Allah, sesungguhnya orang berkenaan sedang berada dalam kehancuran.

• Kegembiraan hakiki ialah yang boleh membawa seseorang kepada Yang Memberi kegembiraan.

3 Reda dengan kesukaran dalam menghadapi percubaan Allah.

• Kalangan ini memiliki *mushahadah* terhadap Pencipta yang menentukan kesukaran

GLOSARI RINGKAS

Al-Ma'rifah: Pengalaman atau ilmu berhubung dengan Tuhan. Ia juga merujuk kepada pengalaman mengetahui sesuatu mengikut hakikat sebenar perkara tersebut.

Al-Mahabbah: Cinta terhadap Allah, iaitu tahap rasa kasih dan pergantungan hati kepada keagungan, keindahan dan kebesaran Allah.

Al-Mushahadah: Penyaksian dengan mata hati (*al-Basirah*) terhadap apa yang ada dalam alam tinggi, yang terjadi secara langsung.

tersebut.

• Dia tidak menganggap kesukaran itu sebagai kesukaran, malah dihayatinya sebagai suatu kegembiraan berasaskan pemilikan *mushahadah* berkenaan.

4 Reda dengan dirinya terpilih, iaitu yang ada hubungan dengan *al-Mahabbah*.

• Kalangan yang reda dengan dirinya dipilih oleh Allah adalah merupakan kekasih Allah.